



**TEKS UCAPAN
YAB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
PERDANA MENTERI**

**SEMPENA
MAJLIS PERJUMPAAN YAB PM BERSAMA WARGA
JABATAN PERDANA MENTERI BAGI BULAN JULAI 2023**

3 JULAI 2023 | ISNIN

**DEWAN DE' SERI ENDON
PUSPANITAPURI, PUTRAJAYA**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah. *Nahmaduhu Wa Nusalli 'Ala Rasulihi'l Kareem*

Datuk Armizan bin Mohd Ali

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali
Ketua Setiausaha Negara

Dan rakan rakan yang saya muliakan.

1. Saya hendak tekankan tentang usaha kita bersama untuk mengangkat darjat dan martabat negara dan bangsa. Saya tahu tidak mudah kerana seperti mana lazimnya dalam politik memang ada pertenturan idea dan juga persaingan kuasa. Kadang-kadang mungkin sedikit merumitkan, tetapi bagi kami dalam barisan jemaah menteri dan pimpinan penjawat awam bertekad untuk melaksanakan dengan sungguh-sungguh, dengan sedaya-upaya seperti mana saya tekankan dalam “*Islah Mastata'tu*” maknanya perubahan sedaya-upaya. Tetapi saya faham bahawa perubahan ini mengambil masa. Saya juga ditegur kerana

sedikit keras ataupun kurang sabar, tetapi bagi rakyat yang susah dan derita, bagi sistem yang sudah bobrok, saya tidak fikir kita harus tunggu terlalu lama.

2. Semalam sebelum menyambut kekeberangkatan pulang Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, saya sempat ke KLIA kerana ada sedikit keributan. Saya lihat semua kaunter Imigresen berfungsi. Maknanya majoriti staf Imigresen menjalankan tugas dengan baik.
3. Tetapi sepatimana kita juga sedar dan sering saya tekankan, ada sekumpulan kecil yang masih biasa dengan sistem dan amalan yang lama. Saya maklum hal itu hal bidang kuasa SPRM, namun sebagaimana kita selalu sebut “disebabkan nila setitik rosak susu sebelanga”. Saya pergi lihat sendiri untuk beri jaminan bahawa sebenarnya tidak wajar kita memberi gambaran atau persepsi secara umum tentang ada kerosakan dalam Imigresen. Tetapi kita juga tidak boleh menafikan.
4. Semalam saya terima satu maklumat yang mana kes tersebut mungkin masih disiasat di Jabatan Pendaftaran. Kita permudahkan bagi orang yang layak mendapat status sama ada kewarganegaraan dan sebagainya. Tetapi untuk

mendapatkan sijil itu dikenakan lagi bayaran tetapi jumlahnya terlalu kecil. Jadi, harus ada tindakan yang keras dan tegas, jika tidak akan merosakkan seluruh imej pentadbiran dan pimpinan. Umumnya seperti yang saya lihat di KLIA fungsinya baik. Kaunter Imigresen semua berfungsi. Begitu juga dengan Jabatan Kastam dan Polis menjalankan tugas dengan baik. Namun, saya lihat di mesin pengimbas Kastam iaitu tempat kemasukan ada tujuh (7) mesin tetapi hanya satu (1) sahaja yang berfungsi. Kebetulan Menteri Kewangan adalah di bawah tanggungjawab saya. Takkanlah hendak tunggu Menteri turun baru tahu yang mana rosak.

5. Saya lihat ada kelemahan dari segi maklumat, kerana kalau belanjanya hanya sekitar beberapa juta kita boleh luluskan segera dan saya percaya SPRM tidak akan menyiasat semata-mata kerana saya luluskan segera. Keadaan tersebut sangat mendesak. Bayangkan 7 pengimbas, sebab apa rosak? Sudah berapa lama? Sudah lama sejak tahun lalu. Apakah hendak disalahkan pejabat di situ? Mungkin mereka sudah lapor. Saya kata jadi hal-hal yang begini ada sedikit kelemahan yang harus kita perbaiki kerana kita mahu perkhidmatan yang baik. Kita tahu bahawa dalam rumusan hadis Nabi Muhammad SAW "*Itqan fil amal*" tidak ada amal-amal yang *mediocre*, tidak

ada amalan yang agak biasa diamalkan. Apa pun pekerjaan kita itu “*Itqan fil amal*” maknanya menuju ke arah kecemerlangan seperti yang pernah saya kerap ungkapkan dahulu, “*striving for excellence is not necessarily a new concept, is always been there*” bahawa dalam hidup manusia ini dinamakan yang menuntut supaya ada perubahan kebaikan.

6. Apakah dengan kelemahan ini saya boleh umpanyanya secara umum menyerang kelemahan Kastam. Saya tidak fikir wajar ya kerana secara umumnya fungsinya baik tetapi hal-hal sedemikian tidak boleh kita mungkiri kebenarannya atau nafikan. Sejak jadi Perdana Menteri tidak pernah lalu laluan tersebut, jadi sebab itulah kita kadang-kadang perlu turun dan terjun ke bawah untuk melihat sendiri kerana kita tidak boleh membuat andaian semuanya baik, tetapi tujuannya baik untuk perbaiki, bukan untuk sekadar mencari salah ataupun mengecam apa lagi kalau diberi gambaran umum begitu, sebab itu saya pergi.
7. Saya rumuskan untuk mempertahankan integriti dan kewibawaan Jabatan Imigresen keseluruhannya, tetapi masih menekankan supaya beberapa kelompok kecil yang masih rasa mereka selesa dengan cara lama harus kita bertindak dengan segera dengan keras kerana hal

sedemikian boleh menjelaskan kerjaya kita, imej jabatan, penjawat awam dan juga imej negara secara keseluruhan.

Wassalamualaikum warahmatullah wabarakatuh.

Terima kasih.